

# Diupah tanam ganja

Harian metro 19/05/2010 M/S 15

## Tiga rakyat Malaysia bekerja untuk kongsi gelap di Newcastle dihukum penjara 21 bulan

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia  
Md Denin dan Suraya Roslan  
am@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Tiga lelaki rakyat Malaysia yang ingin cepat kaya dengan menanam pokok ganja dalam rumah diberkas polis Newcastle, Britain, baru-baru ini.

Semua lelaki warga Malaysia berusia awal 20-an berkenaan dipercayai diupah kongsi gelap tempatan, turut menguruskan operasi sebuah rumah yang diubah suai menjadi kilang memproses dadah berkenaan.

Difahamkan, ketiga-tiga suspek, Yet Chai, An Chang, dan Keong Wai diberi peranan sebagai penanam dan penjaga pokok ganja dan dibayar upah sehingga RM3,000 seminggu.

Bagaimanapun, kegiatan suspek dihidu sebelum rumah yang diubah suai menjadi ladang ganja bawah tanah itu yang terletak di Wallsend, Newcastle itu di-



KEONG WAI

AN CHANG

YET CHAI

serbu polis.

Hasil siasatan mendapati, rumah berkenaan dijadikan markas memproses dadah dan dianggarkan mampu menghasilkan keuntungan kepada sindiket kira-kira 160,000 pound sterling (RM752,000) sebulan.

Suspek yang gagal melarikan diri ditahan polis sebelum dihadapkan ke Mahkamah Newcastle, kelmarin dan dijatuhkan hukuman penjara

21 bulan setiap seorang.

Difahamkan, kes tangkapan terbabit bukan kali pertama dilakukan polis Britain berikutan semakin ramai warga Malaysia diberkas di negara itu atas kesalahan jenayah sama sejak tahun lalu.

Sumber polis Bukit Aman berkata, tawaran ganjaran lumayan dijanjikan pihak sindiket menyebabkan ramai rakyat Malaysia terjebak se-

belum dipergunakan pihak sindiket berkenaan.

Dalam kes berasingan, Oktober lalu, seorang lelaki warga Malaysia berusia 44 tahun turut dikesan mengusahakan ladang ganja di Mansfield.

Hasil serbuan itu, polis menemui 112 pokok ganja.

Suspek yang ditahan mendakwa dia ditawarkan pekerjaan oleh seorang lelaki yang ditemuinya di sebuah

bar di Grantham supaya menyelia ladang ganja selama tiga bulan dengan pendapatan mingguan sebanyak RM1,600.

Suspek hanya diarahkan tinggal di ladang tersorok bagi melakukan tugas menyiram pokok ganja serta menghidupkan lampu bagi tujuan tumbesaran pokok terbabit.

Bagaimanapun, belum sempat pokok ganja itu dituai, suspek diberkas polis kerana disyaki terbabit menghasilkan daun ganja kering seberat lebih enam kilogram.

Dalam kejadian berasingan sebelum itu, seorang lelaki warga Malaysia turut diberkas selepas dikesan membuka ladang ganja menggunakan kaedah penanaman hidroponik awal September lalu.

Difahamkan, lelaki berusia 30 tahun itu ditahan polis selepas dikesan bersembunyi di bilik bawah tanah sebuah pub di Newhaven Road yang dijadikan ladang untuk menanam ratusan pokok ganja.